

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil produk ini. Pastikan anda juga membaca terma dalam surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada Pengurus Perhubungan Bank / Pengurus Perniagaan Bank anda jika anda mempunyai sebarang pertanyaan.


ALLIANCE BANK

Alliance Bank Malaysia Berhad 198201008390 (88103-W)

Pembiayaan Semula Kredit Eksport

Tarikh: _____

1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR) ialah produk Export-Import Bank of Malaysia (EXIM), ditujukan kepada pengeksport yang layak melalui had ECR yang diberikan kepada anda di bawah Kemudahan Kredit Pembiayaan Dagangan anda. ECR menyediakan pembiayaan untuk pra-penghantaran dan pasca-penghantaran. Produk ini berdasarkan Garis Panduan ECR yang dikeluarkan oleh EXIM. Anda boleh mula menggunakan had anda apabila permohonan anda diluluskan untuk akses kepada kemudahan ECR dengan EXIM.

Pra-penghantaran: tersedia kepada pengeksport langsung/tidak langsung untuk membiayai pembelian daripada pembekal tempatan dan/atau asing dan perbelanjaan overhead yang ditanggung berkaitan dengan pengeluaran barangan yang layak untuk dieskport sebelum penghantaran.

Pasca-penghantaran: tersedia kepada pengeksport langsung yang mengeksport produk yang layak pada penglihatan atau tempoh atas pembentangan dokumen eksport selepas penghantaran barang.

2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?

Amaun Pembiayaan (RM)	Pembiayaan adalah terhadap inoivis dan dokumen sokongan yang membuktikan penghantaran barangan pada akaun terbuka, kutipan dan/atau Surat Kredit.
Margin Pembayaran	100% daripada nilai inoivis
Kadar Faedah	Kadar Pembiayaan ECR + ____ % setiap tahun. Pada masa ini Kadar Pembiayaan ECR ialah ____% setiap tahun. i. Pra-penghantaran: Faedah akan diakru dan dikutip pada akhir setiap bulan. ii. Pasca-penghantaran: Faedah akan dikutip terlebih dahulu selepas diskaun.
Tempoh	i. <u>Pre-Penghantaran:</u> • Kaedah Berdasarkan Pesanan – mengikut tempoh yang diluluskan dalam Had ECR, maksimum 120 hari. • Kaedah Sijil Prestasi – mengikut tempoh pembiayaan yang dinyatakan dalam Sijil Prestasi. ii. <u>Pasca-Penghantaran:</u> • Mulai tarikh pembentangan dokumen eksport sehingga bil eksport matang. Minimum 7 hari dan maksimum 183 hari.

3. Apakah tanggungjawab saya?

- Pra-penghantaran: Pembayaran pada tarikh matang atau pembayaran sebelum tarikh matang apabila menerima hasil eksport dan/atau hasil selepas penghantaran dan/atau dana anda sendiri.
- Pasca-penghantaran: Pembiayaan dijangka akan membubarkan sendiri (self-liquidated) daripada hasil eksport yang diterima daripada pembeli anda. Walau bagaimanapun, sekiranya hasil eksport tidak diterima, anda dikehendaki menyelesaikan pembiayaan menggunakan dana anda sendiri.

4. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Caj Exim Bank	RM10.00
Komisen	0.05% komisen pada jumlah pengeluaran
RENTAS	RM5.00 jika berkenaan
Fi dan Caj lain	Sila rujuk laman web korporat Bank di untuk maklumat lanjut. Harap maklum bahawa yuran dan caj di laman web Bank akan dikemas kini dari semasa ke semasa. Pautan laman web: https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Banking/Trade_Finance_Services_Tariff_Fees_BM.pdf

*Tertakluk kepada SST sebanyak 8%

5. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Kadar Faedah Tertunggak pada kadar lebihan akaun semasa, iaitu Kadar Pinjaman Asas (BLR) + 3.50% pada jumlah tertunggak.
- Hak untuk tolak selesai: ABMB berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun untuk penyelesaian tunggakan dalam akaun Kemudahan Perdagangan.
- ABMB berhak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan membubarkan/menyita cagaran yang diberikan (jika ada).

6. Bagaimanakah jika saya melakukan penyelesaian penuh bagi Pembiayaan Semula Kredit Eksport ini sebelum tempoh matang?

Anda boleh menjelaskan sepenuhnya pada bila-bila masa sepanjang tempoh ECR, faedah akan dikenakan berdasarkan tempoh yang dibiayai sahaja

7. Adakah saya perlukan perlindungan insurans/takaful?

Anda dinasihatkan untuk mengambil perlindungan insurans/takaful untuk barangan di bawah ECR ini pada perbelanjaan anda sendiri.

8. Apakah risiko utama?

- Tidak menerima hasil jualan/eksport.
- Anda terdedah kepada risiko pertukaran asing jika bil yang dibiayai adalah dalam mata wang asing.
- Risiko kedaulatan dan bank pembeli luar negara.

9. Adakah saya perlu cagaran atau penjamin?

- Cagaran: Ya
- Penjamin: Tertakluk kepada budi bicara dan penilaian kredit oleh ABMB

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan anda bagi memastikan surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh dapatkan bantuan dan penyelesaian?

- Jika anda menghadapi masalah untuk memenuhi kewajipan anda, hubungi kami lebih awal untuk membincangkan alternatif pembayaran balik.
- Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan, sila hubungi kami di talian +603 5516 9988 (Malaysia), tersedia setiap hari dari jam 8:00a.m. – 10:00 p.m.
- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh mengemukakannya kepada BNMLINK seperti berikut:

BNMLINK

4th Floor, Podium Bangunan AICB,
No. 10, Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur

Talian.: 1-300-88-5465 (Malaysia) atau
+603 2174 1717 (Luar Negara)
Waktu Operasi: 9:00 a.m. – 5:00 p.m.
(Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
Laman web: bnm.gov.my/BNMLINK

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK adalah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Menara Aras Raya (dahulu dikenali sebagai Menara
Bumiputra-Commerce),
Tingkat 1, Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur

Talian.: +603 2616 7766
Waktu Operasi: 9.00 a.m. – 5.00 p.m.
(Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
Laman web: www.akpk.org.my

12. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Untuk bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Perhubungan Perbankan Perniagaan kami atau kunjungi mana-mana cawangan Alliance Bank.

Pusat Perhubungan Perbankan Perniagaan

Talian.: 1300-80-3388 (Malaysia) / +603 5624 3888 (Luar Negara)
Waktu Operasi: 9:00am to 6:00pm
(Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
Emel: bbcc@alliancefg.com

Cawangan Bank

Waktu Operasi:
9:15am to 4:15pm (Semenanjung Malaysia)
9:00am to 4:00pm (Sabah/Sarawak)
(Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)

13. Apakah pakej pinjaman/pembiayaan lain yang disediakan?

- | | | |
|--------------------------------|-------------------------------------|----------------------|
| • Penerimaan Jurubank | • Perundingan Eksport | • Jaminan Bank |
| • Surat Kredit | • Nota Janji Hutang | • Pembiayaan Penjual |
| • Bil Eksport Dibeli/Didiskaun | • Pinjaman Dagangan Mata Wang Asing | |
| • Resit Amanah | • Jaminan Perkapalan | |

NOTA PENTING:

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di sini atau sehingga _____. Semua pengiraan dan maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Penafian: Jumlah sebenar pembiayaan, tempoh dan kadar faedah yang disediakan oleh ABMB adalah bergantung pada penilaian kredit oleh ABMB. Penghantaran Helaian Pendedahan Produk kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh ABMB untuk menyediakan sebarang kemudahan kepada anda.